

HUBUNGAN JARINGAN ANTARA PERUSAHAAN KECIL DAN  
SEDERHANA INDUSTRI PELANCONGAN DI KAMPUNG CHERATING  
LAMA, PAHANG

SUHAINI BINTI IBRAHIM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

HUBUNGAN JARINGAN ANTARA PERUSAHAAN KECIL DAN  
SEDERHANA INDUSTRI PELANCONGAN DI KAMPUNG CHERATING  
LAMA, PAHANG

SUHAINI BINTI IBRAHIM

Disertasi ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana  
Sains Perancangan Pelancongan

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

JANUARI 2015

[Khas untuk insan yang teristimewa iaitu kedua ibu bapa saya dan ahli keluarga yang sentiasa memberikan sokongan.]

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi yang telah mengurniakan rahmatNya sehingga dapat saya menyempurnakan penulisan ilmiah ini dengan jayanya.Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof Dr. Amran Hamzah selaku penyelia di atas segala bimbingan, teguran dan nasihat yang diberikan sepanjang saya menyempurnakan tugas ini. Ribuan terima kasih juga kepada Dr Norhazliza bt Abd Halim ,Dr Hairul Nizam bin Ismail dan Prof Dr Zainab Khalifah yang merupakan tenaga pengajar bagi Program Perancangan Pelancongan dimana telah memberi panduan serta tip-tip yang berguna untuk menyiapkan tugas ilmiah ini.

Jutaan terima kasih juga kepada pihak Kampung Cherating Lama, terutamanya, pengusaha-pengusaha perusahaan kecil dan sederhana yang sanggup meluangkan masa dan memberikan maklumat yang diperlukan disamping memberi peluang kepada saya untuk menjalankan kajian di kawasan ini.

Terima kasih juga kepada kedua ibu bapa saya En. Ibrahim bin Husin dan Puan Sepiah Wan Deris dan semua ahli keluarga terutama Suziati Ibrahim yang banyak memberi bantuan deri segi sokongan dan motivasi dan juga kewangan kepada saya dalam menyiapkan penulisan ilmiah ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama berhempas pulas dalam menyempurnakan projek masing-masing. Bantuan kalian dari segi informasi terkini mengenai penulisan ilmiah amat saya hargai. Budi kalian yang sanggup meluangkan masa untuk memberikan saya maklumat tidak akan saya lupakan. Akhir sekali terima kasih kepada pihak-pihak yang telah membantu saya secara langsung atau tidak langsung sepanjang projek saya dijalankan dan dibentangkan.

## **ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui tahap hubungan jaringan antara perusahaan kecil dan sederhana (PKS) industri pelancongan di Kampung Cherating Lama. Jaringan hubungan antara sektor perusahaan adalah elemen paling penting bagi modal sosial terutama bagi PKS. Objektif utama kajian ini adalah (1)Untuk mengkaji karektor perusahaan kecil dan sederhana (2)untuk mengetahui apakah tahap hubungan jaringan antara perusahaan kecil dan sederhana pelancongan di Kampung Cherating Lama dan (3) untuk mengenalpasti samada hubungan jaringan antara perusahaan memberikan manfaat kepada perusahaan yang terlibat. Kajian ini menggunakan dua pendekatan utama dalam pengumpulan data dan maklumat iaitu melalui temubual dan borang soal selidik dimana 31 pengusaha PKS industri pelancongan telah ditemubual. Hasil kajian mendapati bahawa kesemua perusahaan di Kampung Cherating Lama menjalankan hubungan jaringan tetapi pada tahap yang sederhana dimana tahap kekerapan mereka menjalankan hubungan jaringan antara perusahaan pada skala kadangkala dan bagi jaringan antara ahli keluarga adalah pada skala sentiasa. Manakala manfaat dan kepentingan yang diperolehi daripada aktiviti hubungan jaringan ini dikategorikan kepada dua bahagian iaitu pembelajaran dan pertukaran maklumat dan peningkatan aktiviti perniagaan. Akhir sekali penemuan kajian ini dapat memberi manfaat kepada pemilik PKS untuk mengukuhkan hubungan jaringan sosial yang mantap dan sebagai model untuk mempertingkatkan daya saing perusahaan.

***ABSTRACT***

*This study aimed to determine the networking between small and medium enterprises (SMEs) of the tourism industry in Kampung Cherating Lama. Networking between firm are the most important elements of social capital especially to SMEs . The main objectives of this study were (1) to investigate the character of small and medium enterprises (2) to determine the level of network relations between small and medium enterprises of tourism in Kampung Cherating Lama and (3) to determine whether the relationship between corporate network provide benefits to enterprises involved. This study used two main approaches to collecting data and information as interviews and questionnaires from 31 owner-manager SMEs were involved in tourism industry. The study found that all SMEs in the Kampung Cherating Lama run relationship network but at a modest pace in which the level of frequency they run relationship between corporate network on the scale sometimes and to network among family members is on a scale constantly. While the benefits and interests derived from the activities of this network of relationships categorized into two parts, namely learning and the exchange of information and increased business activity. Finally the findings of this study will be beneficial to the owners of SMEs to strengthen ties and strong social networks as a model to enhance the competitiveness of enterprises.*

## ISI KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
	<b>SENARAI GAMBARAJAH</b>	<b>xiv</b>
	<b>GLOSARI</b>	<b>xvi</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xvii</b>
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1	Pengenalan	1
1.2	Penyataan Masalah	4
1.3	Objektif	6
1.4	Soalan Penyelidikan	7
1.5	Skop Kajian	7
1.6	Limitasi Kajian	8
1.7	Kepentingan Kajian	9
1.8	Struktur Laporan Penyelidikan	9
<b>2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>11</b>
2.1	Pembangunan Pelancongan	11

2.2	Pembangunan Pelancongan Persisiran Pantai	14
	2.2.1 Definisi persisiran pantai	15
2.3	Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) industri pelancongan	17
	2.3.1 Definisi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia	18
	2.3.2 Kategori perusahaan kecil dan sederhana industri Pelancongan di Malaysia	21
	2.3.4 Ciri-ciri perusahaan kecil dan sederhana pelancongan	23
2.4	Perusahaan keluarga dalam industri pelancongan	25
	2.4.1 Dimensi perusahaan keluarga	26
	2.4.2 Matlamat penubuhan usahawan kecil dan Sederhana Industri pelancongan	28
	2.4.3 Tipologi matlamat pengusaha sektor perusahaan Keluarga	30
	2.4.4 Ciri-ciri perusahaan dan matlamat pengusaha Berdasarkan kajian terdahulu.	35
	2.4.5 Faktor kejayaan perusahaan kecil dan sederhana	37
2.5	Jaringan	39
	2.5.1 Konsep jaringan	40
	2.5.2 Definisi Jaringan	41
	2.5.3 Dimensi keupayaan jaringan	43
	2.5.4 Indikator kejayaan bagi jaringan perniagaan	44
	2.5.5 Jaringan dalam perusahaan kecil dan sederhana Industry pelancongan berdasarkan kajian terdahulu	46
	2.5.6 Klasifikasi dan kategori Jaringan	47
	2.5.7 Manfaat hubungan sosial dan jaringan	28
2.6	Mikro Kluster dan jaringan sektor pelancongan	50
	2.6.1 Jenis Kluster	51
<b>3</b>	<b>METHODOLOGI</b>	
3.1	Pendahuluan	54

3.2	Latar Belakang Kawasan Kajian	57
3.3	Kaedah Kajian	58
3.4	Rangka Kerja Indikator	59
3.5	Reka bentuk Borang soal selidik	61
3.6	Rekabentuk Persampelan	64
3.7	Pengumpulan Data	64
3.8	Analisis Data	65
3.8.1	Analisis Deskriptif	65
3.8.2	<i>Thematic analysis method</i>	65
<b>4</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN ANALISIS</b>	
4.1	Pengenalan	67
4.2	Profil Pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana Industri Pelancongan Kampung Cherating Lama	68
4.2.1	Analisis Jantina Dan Umur Responden	68
4.2.2	Analisis Status, Asal dan Tahap Pendidikan Responden	70
4.2.3	Analisis Jawatan dan Pengalaman responden	72
4.3	Profil Perusahaan Kecil Dan Sederhana Industri Pelancongan	74
4.3.1	Analisis Jenis Aktiviti Perusahaan dan Tahun Operasi	75
4.3.2	Analisis Modal Permulaan dan Sumber Kewangan Modal Permulaan	77
4.4	Matlamat atau Objektif perusahaan kecil dan sederhana industri pelancongan di Kampung Cherating Lama	83
4.4.1	Faktor Utama Penetapan Matlamat dan Objektif bagi Pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana di Kampung Cherating Lama	87

4.5	Hubungan Jaringan Antara Perusahaan Kecil dan Sederhana	89
4.5.1	Manfaat Hubungan Jaringan	92
4.5.2	Tahap Kekerapan Perusahaan Menjalankan Hubungan Jaringan Antara Perusahaan	96
4.5.3	Analisis Crosstabulation Antara Faktor Sosio Demografi Dan Tahap Hubungan Jaringan	100
4.5.4	Hubungan Jaringan Antara Ahli Kelurga	101
4.6	Persaingan antara perusahaan kecil dan sederhana	104
4.7	Faktor kejayaan perusahaan kecil dan sederhana industri pelancongan di kampung cherating lama	105
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN KESIMPULAN</b>	
5.1	Pengenalan	107
5.12	Pembangunan Perusahaan kecil dan sederhana Industri Pelancongan Di Kampung Cherating Lama	108
5.13	Faktor matlamat utama pengusaha perusahaan kecil dan sederhana pelancongan di Kampung Cherating Lama	109
5.14	Hubungan Jaringan antara perusahaan kecil dan sederhana	110
5.15	Manfaat hubungan jaringan antara perusahaan kecil dan sederhana	111
5.16	Pembentukan Mikro-Kluster Aktiviti Pelancongan di Kampung Cherating Lama	112
5.2	Kesimpulan	115
5.3	Cadangan	116
	<b>RUJUKAN</b>	118

**LAMPIRAN**

<b>Lampiran A</b>	Borang soal selidik	125
<b>Lampiran B</b>	Analisis <i>Crosstabulatin</i>	133

## **SENARAI JADUAL**

<b>BIL JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Jadual 2.1	Rumusan Definisi Untuk Kategori Kecil Dan Sederhana Berdasarkan Sektor Masing-Masing	20
Jadual 2.2	Taburan Kategori PKS 2010	22
Jadual 2.3	Kepentingan Matlamat permulaan perniagaan mengikut komponen	29
Jadual 2.4	Faktor Matlamat Perusahaan Keluarga	31
Jadual 2.5	Matlamat Perusahaan Keluarga	33
Jadual 2.6	Kepentingan Matlamat Permulaan Perniagaan Mengikut Komponen	34
Jadual 2.7	Profil responden Canmore dan Bornholm	36
Jadual 2.8	Indikator Kejayaan bagi Jaringan Perniagaan	45
Jadual 2.9	Klasifikasi dan kategori jaringan	47
Jadual 2.10	Manfaat Jaringan	49
Jadual 3.1	Indikator Manfaat Kejayaan Rangkaian	60
Jadual 3.2	Hubungkait soalan-soalan temubual dengan ciri-ciri pengusaha, ciri perusahaan kecil dan sederhana, perusahaan keluarga, tipologi matlamat perusahaan dan konsep hubungan jaringan antara perusahaan	63

Jadual 3.3	Kriteria perusahaan kecil dan sederhana	64
Jadual 4.1	Rumusan Profile demografi pengusaha perusahaan kecil dan Sederhana	74
Jadual 4.2	Rumusan Ciri- ciri perusahaan kecil dan sederhana	80
Jadual 4.3	Nama perusahaan yang terdapat di Kampung Cherating Lama	82
Jadual 4.4	Matlamat atau Objektif perusahaan kecil dan sederhana	85
Jadual 4.5	Kedudukan Keutamaan Matlamat Perusahaan Kecil Dan Sederhana	88
Jadual 4.6	Hasil Analisis Bagi Mengetahui Tahap Kekerapan Pegusaha Menjalankan Hubungan Jaringan	99
Jadual 4.7	Tahap Kekerapan Pengusaha Melakukan Hubungan Jaringan Antara Ahli Keluarga	103
Jadual 5.1	Manfaat yang diperolehi oleh pengusaha	112

## **SENARAI GAMBARAJAH**

<b>BIL. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 2.1	Kitar Hayat Destinasi Pelancongan	12
Rajah 2.2	‘Three - Circle Model’	27
Rajah 2.3	Faktor matlamat pengusaha sektor perusahaan keluarga	30
Rajah 2.4	Interaksi Kategori Matlamat Perusahaan	33
Rajah 2.5	Peringkat Koperasi Antara Firma Di Destinasi	41
Rajah 2.6	Rangka kerja sosiologi	42
Rajah 2.7	Dimensi Keupayaan Jaringan	44
Rajah 2.8	Pembentukan Kluster optimum bagi industry Mikro	52
Rajah 3.1	Menunjukkan Rangka Kerja Penyelidikan	56
Rajah 3.2	Peta kedudukan Cherating, Pahang	57
Rajah 3.3	Kerangka kerja kajian	61
Rajah 4.1	Carta Pai mengenai jantina responden	69
Rajah 4.2	Carta Pai Mengenai Umur Responden	69
Rajah 4.3	Carta Pai Mengenai status responden	70
Rajah 4.4	Carta Pai Mengenai Tahap Pendidikan Responden	71
Rajah 4.5	Carta Pai Mengenai Jawatan Responden	72
Rajah 4.6	Carta Pai Mengenai Jenis Aktiviti Perusahaan	76

Rajah 4.7	Carta Pai Mengenai Tahun Operasi Perusahaan	77
Rajah 4.8	Carta Pai Mengenai Anggaran Modal Permulaan	78
Rajah 4.9	Carta Pai Mengenai nilai jualan tahunan Perusahaan.	79
Rajah 4.10	Carta Pai Mengenai Jenis Pemilikan Perusahaan	79
Rajah 4.11	Carta Pai Mengenai Bilangan bilik perusahaan penginapan	81
Rajah 4.12	Carta Pai Mengenai Jalinan Hubungan Antara Perusahaan Kecil Dan Sederhana Industri Pelancongan	90
Rajah 4.13	Carta Pai Mengenai Tahap Hubungan Antara Perusahaan Kecil Dan Sederhana Industri Pelancongan.	90
Rajah 4.14	Carta Pai Mengenai Prestasi Perusahaan Semenjak Menjalankan Hubungan Jaringan Antara Perusahaan Yang Lain	91
Rajah 4.15	Carta Pai Mengenai Tahap Keyakinan Perusahaan Mampu Membangun Dengan Cemerlang Tanpa Melakukan Hubungan Jaringan Antara Perusahaan Lain	92
Rajah 4.16	Carta Pai Mengenai Manfaat Yang Diperolehi Semenjak Menjalankan Hubungan Antara Perusahaan Lain.	93
Rajah 4.17	Carta Bar Mengenai Min Kekerapan Hubungan Jaringan Antara Perusahaan	96
Rajah 4.18	Carta Bar mengenai min kekerapan hubungan jaringan antara Keluarga	101
Rajah 5.1	Tren Peningkatan jumlah perusahaan berskala kecil di kampung cherating lama sejak tahun 1970-2014	108
Rajah 5.2	Model skematik aktiviti pelancongan di Kampung Cherating lama	114

**GLOSARI**

EU	European Union
MOTAC	Ministry of Tourism and Culture
OECD	Eurostat dan Organization co- Operation and Developm
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
SPSS	Statiscal Package for Social Science
TSA	Akaun Satelit Pelancongan
UNWTO	United Nation World Tourism Organizatation
WTO	World Tourism Organization

**SENARAI LAMPIRAN****LAMPIRAN****TAJUK****MUKA SURAT**

<b>A</b>	Borang Soal Selidik	125
<b>B</b>	Data Analisis <i>Crosstabulation</i>	133

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Industri pelancongan di Malaysia telah dikenalpasti sebagai pendorong utama di dalam sektor perkhidmatan. Sektor pelancongan telah mengambil peranan yang lebih besar dalam merangsang ekonomi Negara. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (2014), Malaysia telah menerima 25.03 juta kedatangan pelancong dari seluruh dunia dan mendapat RM65.44 billion pendapatan pada tahun 2013. Dan sehingga Bulan Mei 2014, kedatangan pelancong ke Malaysia telah mencapai sehingga 11.53 juta pelancong dimana pertambahan 10.1% peratus berbanding tahun 2013. Ekoran daripada kenaikan peratusan kedatangan pelancong ini, Pertubuhan Bangsa Bersatu Pelancongan Dunia (UNWTO) meletakkan Malaysia di kedudukan negara yang kesebelas antara negara yang paling kerap dilawati di dunia pada tahun 2013. Manakala Lonely Planet telah memilih Malaysia sebagai salah satu daripada 10 destinasi utama yang perlu dilawati dalam tahun 2014 ( MOTAC, 2014).

Pembangunan pelancongan di telah berkembang dengan ketara, menyediakan bukan sahaja pertukaran asing, pertumbuhan ekonomi dan pekerjaan, tetapi juga peluang untuk penyertaan masyarakat tempatan dalam pemuliharaan biodiversiti, pertumbuhan bandar, baik pulih infrastruktur dan perancangan, pembangunan luar bandar, pemulihan alam sekitar, perlindungan pantai dan pemeliharaan budaya warisan. Industri pelancongan merupakan segmen penting dalam ekonomi Malaysia dan sebahagian besarnya dikuasai oleh perusahaan pelancongan kecil dan sederhana. Terdapat beberapa definisi yang telah dikemukakan oleh penyelidik terdahulu mengenai perusahaan kecil dan sederhana ini. Beberapa penyelidik menerima pakai kriteria kuantitatif, terutamanya bilangan pekerja, manakala yang lain lebih suka mendefinisikan melalui pendekatan kualitatif (Morrison dan Thomas, 1999). Menurut Nolan (2002), beliau mentakrifkan bahawa perusahaan kecil pelancongan adalah perusahaan yang menggunakan kurang daripada 50 orang pekerja. Manakala, Perusahaan kecil dan sederhana dalam industri hotel ditakrifkan dengan menggunakan jumlah bilangan bilik dan bilangan pekerja. Manakala di Malaysia, chalet kecil dan sederhana boleh ditakrifkan sebagai hotel yang bertaraf tiga bintang kebawah dan mereka yang mempunyai klasifikasi yang lebih rendah termasuk chalet dan resort dengan 50 jumlah bilik atau kurang (Jaafar, 2011).

Dengan melihat kepada kelebihan positif dalam sektor pelancongan, banyak kajian telah dijalankan ke atas perniagaan kecil dalam industri pelancongan ( Seperti : Thomas, 2000; Sharma & Upneja, 2005 ; Rogerson, 2004 ; Hanqin & Morrison, 2007 ). Kebanyakkan kajian yang lepas membincangkan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi dan cabaran perusahaan kecil dan sederhana pelancongan. Di Malaysia, kes - kes ini turut di kaji oleh penyelidik- penyelidik di mana melibatkan kesan langsung pelancongan kepada prestasi perusahaan kecil dan sederhana ini..

Penglibatan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam industri pelancongan telah memberikan faktor yang penting dalam pembangunan telah memberikan kelebihan dalam daya saing terhadap sektor pelancongan di Malaysia. Negeri Pahang, merupakan salah satu negeri yang bergantung kepada perusahaan

kecil dan sederhana dalam perkembangan ekonomi. Di sekitar Kampung Cherating Lama, terdapat banyak perusahaan kecil dan sederhana terutama dalam sektor penginapan. Ini jelas menunjukkan, PKS dalam industri pelancongan memberikan impak positif kepada perkembangan pelancongan di negeri Pahang. Kerajaan negeri komited untuk mengambil berat terhadap pembangunan industri pelancongan, sekali gus memastikan ia terus berkembang dan menjadikannya sebagai penjana utama ekonomi Pahang.

Berdasarkan Frazier dan Niehm (2004), pengurus pemilik perusahaan kecil menggunakan hubungan jaringan sebagai sumber pengetahuan untuk peningkatan operasi dan strategi pemasaran perusahaan masing-masing. Dengan meneroka hubungan jaringan dan aktiviti dengan perniagaan kecil dan sederhana boleh menyumbang pengetahuan baru penyelidikan pelancongan. Lebih-lebih lagi dengan memahami operasi perniagaan kecil dan sederhana, kajian ini diharap dapat memberi gambaran tentang kemampuan ekonomi perusahaan kecil dan sederhana, terutama di Malaysia.

Tambahan pula, Jaafar dan Maideen (2012), juga telah melakukan kajian mengenai kemampuan ekonomi perusahaan kecil dan sederhana chalet pulau berdasarkan aktiviti ekopelancongan di Pulau Perhentian. Penyelidik telah menimbulkan pelbagai isu yang berkaitan dengan PKS di pulau, mereka berhujah bahawa terdapat beberapa jurang atau kekurangan dalam kesusasteraan mengenai potensi jaringan bagi komuniti perniagaan kecil yang berbeza di pulau terutamanya di Malaysia.

Oleh demikian, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengetahui samada hubungan jaringan antara perusahaan kecil dan sederhana mempengaruhi kejayaan sesebuah perusahaan tersebut.

## 1.2 Penyataan Masalah

Kedudukan Kampung Cherating lama iaitu kira-kira 50 kilometer (km) utara bandar Kuantan atau sejauh 16 km dari Bandar Chukai, Kemaman membuatkan lokasi tersebut sentiasa menjadi pilihan pelancong tempatan dan asing. Bermula sebagai kawasan kampung nelayan tradisional, Kampung Cherating Lama telah berubah kepada kawasan pelancongan dengan membangunnya unit penginapan seperti chalet-chalet. Perkembangan pelancongan ini bermula dengan idea dan inisiatif Mak Long Teh yang merupakan orang pertama yang menawarkan dan memberi perkhidmatan tempat tinggal kepada pelancong asing untuk tinggal bersama disamping menikmati kehidupan kampung dan aktiviti pantai. Semenjak itu, perkembangan pelancongan semakin pesat dengan penglibatan ramai penduduk tempatan terutamanya dalam menyediakan kemudahan penginapan kepada para pelancong.

Tidak dapat dinafikan, pengusaha - pengusaha ini memperolehi impak yang positif dari segi keuntungan dan pendapatan yang tinggi melalui perniagaan yang mereka jalankan. Tetapi, jika dilihat dari sudut lain, pengusaha ini pasti menghadapi beberapa masalah dari segi cabaran dan daya saing. Persoalan yang akan timbul ialah bagaimana pemilik perniagaan kecil dan sederhana di Kampung Cherating Lama ini berhubung antara satu sama lain dalam usaha untuk membangunkan kawasan ini sebagai destinasi pelancongan. Situasi ini disokongan dari perspektif pelancongan di mana Morrison dan Thomas (1999) telah membangkitkan isu-isu yang dihadapi oleh perusahaan kecil adalah merangkumi kekurangan dana, kekurangan pemasaran dan kemahiran pengurusan.

Salah satu cara bagi perusahaan kecil dan sederhana pelancongan ini mengatasi kelemahan adalah dengan mewujudkan jaringan (Copp & Ivy, 2001). Hari ini, jaringan memainkan peranan yang penting dalam perniagaan untuk meningkatkan daya saing atau untuk meningkatkan prestasi dalam industri pelancongan. Setelah hampir 40 tahun aktiviti pelancongan di kampung cherating

lama dijalankan ini, sudah pasti terdapat pertukaran hak milik kepada generasi kedua atau kemasukkan orang luar yang terlibat dalam perusahaan pelancongan di sini. Adakah dengan dengan perubahan ini, hubungan jaringan antara perusahaan masih berlaku dan apakah tahap hubungan antara perusahaan ini.

Untuk kekal berdaya saing dan memperoleh manfaat dalam perniagaan, pengusaha memerlukan gabungan sumber tertentu bagi menghasilkan dan memasarkan produk serta perkhidmatan mereka. Sumber-sumber tersebut antaranya ialah pelabur modal, pekerja berbakat dan pengedar berkebolehan. Keperluan ini memerlukan pengusaha membentuk dan menjalinkan hubungan secara formal atau tidak formal dengan perusahaan yang lain. Jaringan individu yang dibentuk melalui hubungan di antara pengusaha tidak hanya berfungsi sebagai alat untuk mendapatkan keperluan sumber tetapi juga berperanan dalam memastikan pencapaian matlamat perniagaan. Kombinasi antara modal fizikal, modal kewangan, modal manusia dan modal sosial amat penting dalam menentukan prestasi dan daya saing sesebuah perniagaan.

Jaringan hubungan antara dalam sektor adalah elemen paling penting bagi modal sosial ( Burt, 2000). Jaringan ini berlaku dalam konteks yang lebih luas termasuk melibatkan pertukaran maklumat, pinjaman peralatan, bertukar pendapat, cadangan dan sebagainya. Jaringan antara perusahaan juga amat penting sekiranya terdapat perusahaan antara sektor yang menghadapi masalah yang sama. Jaringan seperti ini boleh diwujudkan di antara sektor PKS yang tidak spesifik pengoperasinya dan jaringannya bersifat pelbagai. Sekiranya jaringan yang kukuh wujud antara pengusaha PKS , sudah tentu kos untuk mencari dan memperoleh maklumat dapat diijimatkan.

Kajian-kajian lepas telah menekankan bahawa jaringan adalah merupakan satu elemen utama sosial dan hubungan yang kukuh antara jaringan dan modal sosial yang dibina harus bagi pembangunan ekonomi yang berjaya (Lin *et al.*,2006 ; Baron, *et al.* 2003 ; Liao & welsch, 2003). Dengan mengambil kira pandangan tersebut,

persoalan Kampung Cherating Lama telah dipilih sebagai kes kajian untuk mengetahui bagaimanakah tahap hubungan jaringan yang berlaku antara pengusaha di sini dalam memastikan perniagaan mereka mapan dan berkembang. Dengan sumber dan saiz kawasan yang terhad, sudah pasti pengusaha – pengusaha disini mengalami masalah dalam memajukan perniagaan mereka. Sumber yang dimaksudkan disini ialah dari segi tahap ilmu pengetahuan dan sumber kewangan.

Daripada pemerhatian terhadap kajian yang dilakukan berkaitan dengan pembangunan pelancongan di Kampung Cherating Lama, kajian mengenai hubungan jaringan antara perusahaan kecil dan sederhana masih belum dijalankan dan ini memberi peluang kepada kajian ini untuk mengetahui samada hubungan jaringan antara PKS industri pelancongan mempengaruhi kejayaan perusahaan tersebut.

### **1.3 Objektif**

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengetahui jaringan antara perusahaan kecil dan sederhana pelancongan di Kampung Cherating Lama. Objektif khusus adalah: -

1. Untuk mengkaji karektor perusahaan kecil dan sederhana industri pelancongan di Kampung Cherating Lama .
2. Untuk mengetahui apakah tahap hubungan jaringan antara perusahaan kecil dan sederhana pelancongan di kampung cherating lama.
3. Untuk mengenalpasti samada hubungan jaringan antara perusahaan memberikan manfaat kepada perusahaan yang terlibat.

#### **1.4 Soalan Penyelidikan**

Kajian ini dijalankan berdasarkan beberapa persoalan yang timbul berkaitan dengan perusahaan kecil dan sederhana iaitu: -

1. Apakah ciri-ciri dan matlamat utama pengusaha kecil dan sederhana yang terlibat dalam aktiviti pelancongan di Kampung Cherating Lama?
2. Adakah wujud atau berlakunya sebarang jaringan antara perusahaan kecil dan sederhana pelancongan di kampung cherating lama?
3. Adakah dengan menjalinkan hubungan jaringan antara perusahaan kecil dan sederhana yang lain, sesebuah perusahaan itu akan memperolehi manfaat atau kepentingan yang boleh menyumbangkan kesan positif kepada perkembangan perusahaan.

#### **1.5 Skop Kajian**

Skop kajian ini adalah seperti berikut :

1. Kajian ini hanya tertumpu kepada responden yang terlibat dalam aktiviti pelancongan seperti aktiviti penginapan, kedai cenderahati, kedai makan dan seumpamanya.
2. Skop responden adalah hanya tertumpu kepada pemilik atau pengurus perusahaan kecil dan sederhana pelancongan di sekitar Kampung Cherating Lama.
3. Dalam kajian ini, perusahaan kecil dan sederhana pelancongan ditakrifkan sebagai berdasarkan bilangan pekerja dan bilangan bilik. Perusahaan kecil mempunyai pekerja antara Lima hingga 19 orang. Manakala, perusahaan

sederhana pula merujuk kepada organisasi yang mempunyai bilangan pekerja antara 20 hingga 100 orang. Perusahaan kecil dan sederhana penginapan pula mempunyai bilik yang tidak melebihi 50 unit dan pekerja tidak melebihi 10 orang.

4. Bagi hubungan jaringan pula, kajian ini hanya memberi fokus terhadap aktiviti jaringan antara perusahaan yang mempunyai jenis perniagaan yang sama atau berlainan dan juga hubungan jaringan antara ahli keluarga yang terlibat dalam aktiviti pelancongan.

## **1.6 Limitasi kajian**

Dalam proses menyiapkan kajian ini, terdapat beberapa limitasi dankekangan yang berlaku seperti berikut :

- 1.** Kebayakkan responen tidak dapat memberikan maklumat yang terpericil kerana mereka menanggap data-data mengenai perusahaan adalah sulit
- 2.** Kebanyakkan pengusaha perusahaan kecil dan sederhana adalah terdiri daripada pemilik kedua yang menguruskan perniagaan Hal ini menyebabkan
- 3.** Faktor cuaca menjadi salah satu kekangan semasa pengumpulan data ini dilakukan. Terdapat beberapa pengusaha tidak beroperasi kerana musim Tengkujuh yang menlanda kawasan Pantai Timur.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

1. Dengan memahami operasi perusahaan kecil dan sederhana pelancongan , kajian ini diharap dapat memberi gambaran tentang kemampuan ekonomi industri kecil dan sederhana ini , terutama di Malaysia
2. Kajian ini boleh menyumbang kepada pembangunan pelancongan di Kampung Cherating Lama sebagai destinasi pelancongan yang berkaitan dengan pelancongan perniagaan kecil.
3. Kajian ini dijangka memberi manfaat kepada pemilik pelancongan perniagaan kecil untuk mengukuhkan lagi jaringan perniagaan mereka di kalangan perusahaan.

## **1.8 Struktur Laporan Penyelidikan**

Laporan penyelidikan terbahagi kepada lima bahagian utama, iaitu:-

**i. Bahagian pertama**, ialah bahagian mengenai pemahaman awal berkaitan kajian mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah bagi kawasan kajian seterusnya mengenai objektif penyelidikan, dan pembentukan soalan penuelidikan. Skop kajian dan limitasi kajian turut dijelaskan dalam bahagian ini.

**ii. Bahagian kedua**, secara umumnya menjelaskan penemuan-penemuan literatur mengenai konsep-konsep perusahaan kecil dan sederhana, konsep hubunga jaringan dan termasuk definisi-definidi bagi usul-usul yang dikaji dalam penyelidikan ini.

**iii. Bahagian ketiga**, secara umunya bahagian ini akan menghuraikan aspek reka bentuk penyelidikan yang digunakan serta cara-cara bagi

mendapatkan maklumat dan data. Seterusnya, teknik-teknik analisis terhadap data-data yang dikumpulkan dijelaskan disamping latar belakang dan profil kawasan kajian.

**iv. Bahagian keempat,** Bahagian ini akan menejelaskan secara terprincil hasil dapatan kajian dan hasil analisis bagi yang telah dibuat.

**v. Bahagian Kelima,** Bahagian ini akan membincangkan penemuan-penemuan yang telah diperolehi diperingkat analisis untuk mencapai objektif penyelidikan. Perbincangan dan rumusan secara menyeluruh akan dijelaskan di bahagian ini.

## **RUJUKAN**

- Ahmad, G.dan Morrison, A. (2004). Small firm social networking in tourism and hospitality Tourism. Dalam Michael, E. (ed.),*Micro-Clusters and Networks: The growth of tourism* . London : Elsevier.
- Armstrong dan Taylor.(1993). *Regional Economics & Policy*. Harvester Wheatsheaf
- Bahagian statistik Malaysia.(2012) Economic Census 2011: Profile of small and medium Enterprise. Dalam Kalsitinoor Set. (2013). Tourism small and Medium Enterprise ( TSMEs) in Malaysia. *International Journal of business and sosial science*. 4(16).
- Baron, A.R.,dan Markman, D.G. (2003). Beyond Social Capital: The Role of Entrepreneur's Social Competence In Their Financial Success. *Journal of Business Venturing*. 18,41-60.
- Barry,B. ( 1975). The Development of Organisation Structure In The Family Firm. *Journal of general management*. Autumn, 42-60.
- Beaver, G., Lashley,C. dan Stewart,J. (1998).Management Developmet .Dalam Thomas,R. (Ed) *The Management of Small Tourism And Hospitality Firms*. (pp.156-173). London : Cassell.
- Breen,J., Bergin-Seers,S., Jago,L.,dan Carlsen, J. (2005). *Small and Medium Tourism Enterprise: The identification of good practice*. Australia :CRC for sustainable Tourism
- Bull, I. (2002). Inheritance In Family Business; The “Long” Merchant Family: Problems Concerning Generation Change. *Scandinavian Journal Of History*. 24(4), 193-210
- Buonocore, F., & Metallo, C. (2005). Tourist Destination Networks, Relational Competences And "Relationship Builders": *The Central Role of Information Systems And Human Resource Management*. Paper presented at the ATLAS Annual Conference 2004,
- Burn, R.B. (1995). *Introduction to reserach methods*. Melbourne: Longman
- Burt, R.S. (2000). The Network Entrepreneur. Dalam R. Swedberg (Ed.). *Entrepeneuship: the social science view* 9281-307). Oxford: Oxford University Press
- Butler, R.W.(1980). The Concept Of Atourist Area Cycle of Evolution: Implication for Management Of Resources. *Canadian Geographer*. 24, 5-12.
- Camaghi, R.( 1991). Introduction: From The Local ‘Milieu’ To Innovation Through Cooperation Networks. dalam Camagi, R (Ed) *Innovation networks. Spatial perspective*. London : Belhaven Press.

- Carson, D., Cromie, S., McGwon, P., dan Hill,J. (1995). *Marketing And Entrpeneurship in SMEs*. Prentice-Hall, Englewood Cliff. NJ.
- Castells, M.( 2000). The Information Age, Economy, Society and Culture. Vol 1. *The Rise Of The Network Society*. Oxforf : Blackwell
- Chrismen, J.J., Chua, J.H., Steier,L. P. (2002). The Influence of National Culture and Family Involvement on Entrepreneurial Perceptions and Performance at The State Level. *Entrep. Theory Pract.* 26(4), 113-130.
- Chrismen, J.J., Chua, J.H., dan Steier,L. P. (2003). An Itroduction To Theories Of Family Business. *Journal of Business Venturing*. 18, 441-448.
- Chua, J.J., Chrisman, J.J.,dan Sharma, P. ( 1999). Defining The Family Business By Behavior. *Entrep. Theory Pract.* 23 (4), 19-37.
- Conway, S. (1998). Developing a classification of network typoligies. Petikan dalam Shaw, E dan Conway, S. Networking and the small firm. Dalam S.Carter dan D. Jones-Evans(Eds). (2000). *Enterprise And Small Business*. Harlow : Finacial Times. Prentice Hall.
- Copp, C., dan Ivy,R.( 2001). Networking Trends Of Small Tourism Businesses In Post-Socialist Slovakia. *Journal Of Small Business Management*. 39(4), 345-353.
- Curran, J., Jarvis, R., Blackburn, R., Black, S. (1993). Networks And Small Firm : Construct, Methodological Strategies And Some Findings. *International Small Business Journal*. 11(2), 13-25.
- Denzin, N., dan Lincoln, Y. (2005). *THE SAGE Handbook of Qualitative research*. London: Sage
- Farinda, A.G., Kamarulzaman, Y., Abdullah, A., dan Ahmad, S.Z.(2009). Building Business Network : Aproposed Framnework For Malaysia SMEs. *International Review Business Research*. 5(2), 151-160.
- Frazier, B.J., dan Niehm L.S. (2004). Exploring Business Information Networks Of Small Retailers In Rural Communities. *Journal Of Development Entrepreneurship*. 9(1), 23-42.
- Gartner, W.B. (2001). Is There An Elephant In Etrepreneurship? Blind Assumptions In Theory Development. *Entrep. Theory Pract.* 23(4), 19-37.
- Gersick, K., Davis, J., Hampton, M. dan Lansberg, I. (1997). *Generation To Generation*. Boston : Harvard Business School Press.
- Getz, D. dan Carlsen, J. (2000). Characteristic And Goals Of Family Owner-Operated Business In The Rural Tourism And Hospitality Sectors. *Tourism Management*. 21, 547-560.

- Getz, D. dan Petersen , T. (2005). Growth And Proful-Oriented Entrepreneurship Among Family Business Owners In The Tourism And Hospitality Industry. *Hospitality Managment*. 24, 219-241.
- Gibson, L., Lnycz,P., dan Morrison, A. (2005). The Local Destination Tourism Network: Development Issues. *Tourism and hospitality and development*. 2(2), 87-99.
- Goodhead, T. dan Johnson, D. (1996). *Coastal Recreation And Management : The Sustainable Development Of Maritime Leisure*. London: E & F.N. Spon Publishing.
- Goods, L., dan Philimore, J. (2004). Qualitative Research in tourism: Ontologies Epistemologies and methdologies. Abingdon, Oxon. Routledg.
- Granovetter, M. ( 1973). The strength of Weak Ties. *American Journal of sociology*. 78 (6), 1360-1380.
- Hamzeh Rezaf (2013). *Networking And Competitivenes In Small Firm Tourism Business In Island Destination : A Case Study Of Kampung Air Batang. Tioman Island*. MSc. thesis. University Teknologi Malaysia. Skudai.
- Hanqin,Q.Z. dan Morrison, A. (2007). How Can The Small To Medium Sized Travel Agents Stay Competitive In China's Travel Servive Sector?. *International journal of contemporary Hospitality Management*. 19 (4.), 275-285.
- Jaafar, M. (2011). Critical succes Factors (CSFs) : A Comparison Between Coastal And Island Chalet. *International journal of business and society*. 12(3), 55-68
- Jaafar, M. dan Maideen, S.A. (2012), Ecotourism –Related Products And Activities, And The Economic Sustainability Of Small And Medium Island Chalets. *Tourism Managment*. 33, 683-691
- Jabatan perancangan bandar dan desa (2010). Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan Dan Pembangunan KSAS Kawasan Pesisir Pantai. Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia. Diakses pada 03 julai 2014 di <http://www.townplan.gov.my/>
- Jahi, J.M.( 2009). Pembangunan Pelancongan Dan Impaknya Terhadap Persekutaran Fizikal Pinggir Pantai. *Malaysian Journal of environmental management*. 10(2),71-88.
- Jones, E. dan Haven,C (2005). *Tourism SMEs, Service Quality and Destination Competitiveness*. University of Wales Institute, Cardiff. United Kingdom : CABI publishing.
- Kale, P., Sing, H., Permutter,H. (2000). Learning and protection of proprietary assets in strategic alliances : Building relational capital. *Strategic Management Journal*. 21, 217-237
- Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) (2014). Diakses pada 20 Mac 2014 di [www. motac.gov.my/](http://www.motac.gov.my/).

- Kenneth, M.K., Ingrid,L.R. (2014). The Influence Of Demensions Of Networking Capability In Small And Medium Enterprise Performance. International Journal Of Business And Sosial Science. 5(2).
- Knoke, D. dan., Kuklinski, J.(1983) . Network analysis. Sage, Beverly Hills.
- Law, C.M. (2002). *Urban Tourism : The visitor economy and the growth of large cities* (2nd ed). London: Continuum.
- Leavy, B.( 1994). The Craft Of Case-Based Qualitative Research. *Irish Business And Administration Research*. 15,105-180.
- Liao, J.,Welsch, H.( 2003). Social Capital And Entrepreneurial Growth Aspiration : A Comparison Of Technology And Non Techonology Based Nescent Entrepreneurs. *Journal Of High Technology Management Research*. 14, 149-170.
- Lin, B.W., Li, P.C.,Chen., Ja-Shen.(2006). Social Capital, Capabilities, And Entrepreneurial Strategies : A Study Of Taiwanese High-Tech New Ventures. *Technological Forecasting And Social Change*. 73(2), 168-181.
- Littunen, H., Tohmo, T. (2003). The High Growth In New Metal-Based Manufacturing And Business Service Firms In Finland. *Small Business Economics*, 21(2), 187–200.
- Litz, R. (1995).The Family Business: Toward Definitional Clarity (1995). *Family Business Review*.
- Lynch , P . and Morrison , A . ( 2007 ) ‘ The Role of Networks’ , dalam Michael, E. (ed.), ‘ *Micro- Clusters and Networks: The growth of tourism*. London: Elsevier,
- Lynch, P. (2000). Networking In The Homestay Sector. *The services Industries Journal*. 20 (3), 95-116.
- Lynch, P. dan Morrison, A. (2007). The role of Networks, dalam Michael, E. (ed) *Micro – cluster and Networks : The growth of tourism*. London : Elsevier.
- Lynch, P., Halcro, K., Johns, N., Buick, I., Gillham, M. (2000). *Networks And Networking: A Strategic Tools For Small Hotel Survival And Succes?* *Proceeding of the 9th Annual CHME Hospitality Research Conference*. The university of Huddersfield, UK, 26-27th April.
- Manaf,A.A, Omar,N.H., dan Yee,L.K. (2012). Faktor Kritikal Kejayaan Usahawan dalam Perniagaan. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*. 7 (1),
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research And Case Study Applications In Education*. San Francisco: Jossey-Bass
- Michael, E.(2003). Tourism Micro-cluster. *Tourism Economic*. 9(2), 133-145. dalam Michael, E. (ed.), ‘ *Micro-Clusters and Networks: The growth of tourism* . London: Elsevier

- Mitchell, J., 1973. Network, Norm And Institutions, In ; Boissevain,j., Mitchell ,J. (Eds.),*Network Analysis Studies In Human Interation*. The Hague. Mouton
- Mohd Osman. M.H. (2007). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kejayaan Usahawan dan Kredit Mikro Di Negeri Johor*. Vot Penyelidikan 75002. Fakulti Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia. Universiti Teknologi Malaysia.
- Morris,M.H, (1997). Correlates Of Success In Family Business Transitions. *Journal of Business Venturing*
- Morrison, A. dan Thomas, R. (1999). The Future Of Small Firms In The Hospitality Industry. *International Journal of Contemporary Hospitality Management*. 11 (4),148-154.
- Morrison, A.(1996). Marketing Strategic Alliances: The small Hotel Firm. *Proceeding of IAHMS Spring symposium*, Leeds: Leeds Metropolitan University.
- Morrison, A., Lynch, P., Johns, N.( 2002). International networks- scoping study. Report for Scottich Enterprise. Dalam Michael, E. (ed.), '*Micro-Clusters and Networks: The growth of tourism*'. London : Elsevier.
- Morrison, A., Lynch, P., dan Johns, N.(2004). International tourism network. *International Journal of contemporary Hospitality Management*.
- Morrison,A.(1998). *Entrepreneurship : An international Perspective*. Oxford : Butterworth Heinemann.
- Mottiar, Z. (2007). Lifestyle Entrepreneurs And Spheres Of Inter-Firm Relation: The Case Of Wesport Co.Mayo,Ireland. *The International Journal Of Entreprenuership And Innovation*. 8(1),67-74.
- Nolan, C.(2002). Human Resource Development In The Irish Hotel Industry: The Case Of The Small Firm. *J Eur Ind Train* 26, 88–99.
- O'Donnell A, Gilmore A, Cummins D, et al. (2001) The Network Construct In Entrepreneurship Research : A Review And Critique. *Management Decision* 39(9) : 749-760
- O'Donnell, A. (2004). The Nature Of Networking In Small Firm. *An international Journal*. 7(3), 206-217.
- Organization For Tourism And Transport Forum (2008). Tourism Infrastructure And Priorities. (Report). Sydney NSW 200. Dalam Alias,A. dan Dali, M.M (2014). Potensi premis penginapan kecil dan sederhana dalam pembangunan pantai di kelantan. *Malaysian Journal of society and space*. 10(2), 199-209.

- Othman,P. dan Rosli, M.M. (2011). The Impact Of Tourism On Small Business Performance: Empirical Evidence From Malaysia Island. *International Journal Of Business And Social Science*. 2(1)
- Patton, M.Q. (1980). *Qualitative Evaluation And Reserach Methods*. London : Sage publication.
- Pavlovich, K. (2003). The Evolution And Transformation Of A Tourism Destination Network : The Waitomo Caves, New Zealand. *Tourism Management*. 24, 203-216.
- Povh, D. (2000). Economic instrument for sustainable development in the Mediterranean Region. *Responsible coastal zone management. Periodicum Biologorum*. 102 (1), 407-412
- Rancangan Tempatan Pinggir Pantai Kuantan,( 1995). Majlis Perbandaran Kuatan.
- Rogerson, C.M. (2004). Transformation The South Africa Tourism Industry; The Emerging Black-Owned Bed And Breakfast Economy. *Geojurnal*. 60 , 273-281
- Rogoff, E. G., Lee, M. S. dan Suh, D. C. 2004. "Who done it? Attributions by Entrepreneurs And Experts Of The Factors That Cause And Impede Small Business Success", *Journal of Small Business Management*. 42(4), 364-376.
- Sazelin Arif (2009). Keupayaan Pemasaran Dalam Kalangan Pengusaha Kecil Makanan Halal Di Melaka Tengah: Satu Kajian Awal. MALIM Bil.10.
- Selznick, P. (1975). *Leadership in administration*. New York: Harper & Row.
- Sharma, A. dan Upneja, A. (2005). Factors Influencing Financial Performance Of Small Hotels In Tanzania. *International Journal of Contemporary Hospitality Management*. 17 (6),504-515.
- Sharma,P., Chrisman,J., dan Chua, J. (1996). A Review And Annotated Biography Of Family Business Studies. Boston : Kluwer
- SME Corp, Malaysia (2013). Garis Panduan Bagi Definisi Baharu PKS. Diakses pada 20 Jun 2014, Di <http://www.smecorp.gov.my/>
- Smith-Ring, P. (1999). Processes Facilitating Reliance On Trust In Interorganisational Networks. Dalam M.Ebers (Ed). *The Formation Of Inter-Organisational Networks* (pp.113-145). Oxford : Oxford University Press.
- Sulaiman, N. Mohd Saukani,M.N. (2007). Dalam Mempertingkatkan Daya Saing Firma Perusahaan Kecil Dan Sederhana(PKS). *IJMS*. 14(2), 93-111.
- Szarka,J. (1990) . Networking And Small Firms. *International Small Business Journal*. 8(2), 10-21

- Tagiuri, R. dan Davis, J.A. ( 1982). Bivalent Attributes Of The Family Firm. Working Paper. Harvard Business School, Cambridge, Massachusetts. *Family Business Review*. IX(2), 199-208.
- Tagiuri, R. dan Davis, J.A. (1992). On The Goals Of Successful Family Companies. *Family Business Review*. 5(1).
- Thomas, R. (2000). Small Firms In The Tourism Industry: Some Conceptual Issues. *International of tourism research*. 2(5), 345-353.
- Thomas, R., Friel,M., Jameson,S. dan Parsons, D. (1997). The National Survey Of Small Tourism And Hospitality Firms: Annual Report 1996-1997, Leeds Metropolitan University, Leeds.
- Tinsley , R . and Lynch , P . ( 2001 ) . Small Tourism Business Networks and Destination Development . *International Journal of Hospitality Management*.20(4) , 11 – 14 .
- Tinsley, R. dan Lynch, P. (2001). Small Tourism Business Networks And Destination Development. *Hospital Management*. 20, 367-378.
- Walter, A. Auer, M. Ritter, T. (2006). The Impact Of Network Capabilities And Entrepreneurial Orientation On University Spin-Off Performance. *Journal Of Business Venturing*. 21, 547-567.
- Wanhill, S. (2000). Small And Medium Tourism Enterorise. *Annals Of Tourism Research*. 27(1), 132-147.
- Yin, R.K. (1994). *Case study research : Design and Methods*. (2nd). Thousand Oak. Calif : Sage.